

## JADUAL PRODUK SEWA ATILZE

20191008

Jadual Produk Sewa Atilze ini diperbadankan dan merupakan sebahagian daripada Terma dan Syarat Am Atilze Telematics.

Terma dan syarat berikut akan terpakai kepada penyewaan Produk oleh Pelanggan daripada Atilze.

Melainkan dinyatakan secara jelas dalam Jadual ini, semua perkataan kapital akan mempunyai makna yang sama seperti dalam Terma dan Syarat Am Atilze Telematics.

### **1. Penyewaan Produk**

1.1 Pelanggan dikehendaki untuk melanggan Perkhidmatan Atilze Fleet semasa menyewa Produk daripada Atilze.

### **2. Tempoh dan Penamatan**

2.1 Perjanjian akan berkuat kuasa pada Tarikh Efektif, dan akan terus berkuatkuasa sehingga Perjanjian ditamatkan oleh mana-mana Pihak selaras dengan Terma dan Syarat Am Atilze Telematics.

### **3. Penghantaran dan Risiko Produk**

3.1 Penghantaran oleh Atilze akan dianggap telah terjadi sebagaimana yang telah dipersetujui dalam Perjanjian. Penghantaran Produk kepada Pelanggan hendaklah dilaksanakan berdasarkan terma Perjanjian. Atilze berhak untuk melaksanakan penghantaran secara berperingkat dan invois boleh dikeluarkan secara berasingan berdasarkan peringkat penghantaran.

3.2 Semua Pesanan yang dibuatkan oleh Pelanggan adalah tertakluk kepada stok yang sedia ada. Produk yang akan dihantar oleh Atilze kepada Pelanggan akan disenaraikan dalam Borang Pesanan. Tarikh penghantaran yang disetujui bukan tarikh muktamad, melainkan dinyatakan secara bertulis. Atilze akan menggunakan usaha terbaiknya untuk menyampaikan Produk tepat pada masanya.

3.3 Risiko Produk akan dipindahkan kepada Pelanggan selepas penghantaran seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian.

3.4 Sekiranya penghantaran Produk atau mana-mana bahagiannya ditangguhkan, gagal, dan/atau tidak dapat dikuatkuasakan atas apa-apa faktor yang disebabkan oleh Pelanggan, Pelanggan tetap bertanggungjawab untuk memenuhi tanggungjawab

pembayarannya. Dalam kes sedemikian, Produk akan disimpan atas perbelanjaan Pelanggan dan penghantaran akan dianggap telah terjadi pada tarikh Produk sedia untuk penghantaran dan semua risiko Produk akan dipindahkan kepada Pelanggan.

#### **4. Hak Milik Produk**

- 4.1 Atilze akan mengekalkan semua hak milik sah (*legal title*) dan hak milik manfaat (*beneficial title*) Produk. Hak milik dan apa-apa hak Produk tidak ada dipindah kepada Pelanggan.
- 4.2 Sekiranya berlaku peristiwa kelalaian (*event of default*) di bawah Perjanjian, Atilze berhak untuk menangkan dan mengeluarkan Produk yang dimilikinya daripada Kenderaan, atau daripada pemilikan pihak ketiga. Pelanggan hendaklah memberikan segala bantuan yang diperlukan dalam process penangan Produk dan pengeluaran Produk. Pelanggan juga akan menanggung apa-apa kos yang berkaitan dengan process penangan Produk dan pengeluaran Produk tersebut.

#### **5. Insuran Produk**

- 5.1 Pelanggan dikehendaklah untuk menginsuranskan dan terus menginsuranskan Produk terhadap semua risiko (termasuk tanpa had, banjir kebakaran, dan lain-lain bahaya) sehingga nilai penggantian dan juga untuk lindungan daripada apa-apa kerugian berbangkit daripada keuntungan dianggap wajib oleh Pelanggan dan juga memastikan semua polisi insuran mengandungi penepian oleh pemberi insuran berkenaan dengan hak subrogasi terhadap Atilze.

#### **6. Penafian Jaminan**

- 6.1 Produk ini adalah diasaskan secara 'sebagaimana adanya' ('as is'), dengan semua kekurangan. Pelanggan menanggung semua risiko dan liabiliti yang timbul daripada atau berkaitan dengan penggunaannya dan pergantungan kepada Produk. Atilze tidak membuat sebarang representasi atau jaminan apa-apa jenis, sama ada secara lisan atau bertulis, sama ada nyata atau tersirat, atau daripada segi undang-undang, adat, berurusan, perdagangan, berkenaan dengan kualiti, prestasi, ketidak-pelantaran, komercial utiliti, kebolehdagangan atau kesesuaian mana-mana Produk untuk tujuan tertentu.
- 6.2 Atilze menafikan sebarang jaminan kemahiran pekerja, keserasian kepada mana-mana kenderaan, atau perisian. Atilze tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa kehilangan data, kehilangan Data Pengguna, ketidakupayaan untuk mengakses Platform Atilze, atau Produk yang memerlukan pengubahsuaian, perubahan, tidak digunakan kerana kekusangan, atau menjejaskan prestasi.
- 6.3 Atilze mengecualikan liabiliti di bawah Klausula ini.

#### **7. Perkhidmatan Produk**

- 7.1 Tertakluk kepada Klausula 7.2, sekiranya Produk didapati telah rosak semasa Tempoh Perjanjian, remedi tunggal dan eksklusif Pelanggan dan liability keseluruhan kami di bawah Perjanjian ini akan, mengikut kehendak kami: -
- (a) membaiki Produk melalui sokongan jauh, seperti, tetapi tidak terhad kepada telefon dan/atau sokongan e-mel;
  - (b) membaiki Produk; atau
  - (c) menggantikan Produk.
- 7.2 Perkhidmatan produk di atas tidak memberi perlindungan kepada yang berikut: -
- (a) kegagalan atau kerosakan kepada Produk disebabkan daripada penyalahgunaan, kemalangan, pengubahsuaian, persekitaran fizikal atau operasi yang tidak sesuai, pendudukan kuasa, dan/atau penyelenggaraan yang tidak betul oleh Pelanggan;
  - (b) kerosakan Produk yang disebabkan daripada penggunaan peranti atau peralatan yang tidak dibekalkan oleh Atilze atau bagi pihak Atilze untuk penggunaan dengan Produk;
  - (c) apa-apa perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Pelanggan; dan/atau
  - (d) Produk yang hilang atau dicuri.
- 7.3 Pelanggan hendaklah bertanggungjawab untuk membayar nilai penuh Produk penggantian di bawah mana-mana keadaan yang berbangkit bawah Klausula 7.2.

## **8. Caj dan Tempoh Bayaran**

- 8.1 Caj untuk penyewaan Produk digabungkan bersama dengan Perkhidmatan Atilze Fleet. Oleh itu, Pelanggan dikehendaki membayar caj berkenaan yang ditetapkan di dalam Borang Pesanan selaras dengan Jadual Perkhidmatan Atilze Fleet.

## **9. Pengembalian Dan Pembongkaran Produk**

- 9.1 Pelanggan mesti membenarkan Atilze untuk membongkarkan Produk daripada Kenderaan, pemilikan Pelanggan dan/atau pemilikan pihak ketiga selepas: -
- (a) penamatan Terma dan Syarat Am Atilze Telematics;
  - (b) penamatan Jadual ini;
  - (c) penamatan Perkhidmatan Atilze Fleet; atau
  - (d) diminta oleh Atilze.

## **10. Bahasa Pentadbiran**

- 10.1 Jadual ini merupakan satu penterjemahan versi Bahasa Inggeris dan sekiranya terdapat sebarang percanggahan di antara versi Bahasa Inggeris dan versi ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

*[baki halaman ini dengan sengaja dibiarkan kosong]*